

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JANUARI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

OPR kekal 2.75 peratus



KEPUTUSAN OPR dikekalkan memberi kelegaan kepada ramai peminjam daripada terus terbeban dengan kos pembiayaan yang lebih tinggi. - GAMBAR HIASAN

OPR kekal 2.75 peratus

PETALING JAYA – Susulan mesyuarat yang diadakan semalam, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia telah membuat keputusan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75 peratus.

BNM dalam satu kenyataan berkata, keputusan berkenaan membolehkan MPC menilai kesan pelarasan OPR secara kumulatif memandangkan kesan sela masa (*lag effect*) dasar monetari terhadap ekonomi.

“Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

“Langkah seterusnya untuk mengembalikan tahap akomodasi dasar monetari ke tahap yang

wajar akan ditentukan oleh keadaan yang berubah-ubah serta kesannya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

“MPC akan terus menetapkan dasar monetari yang mengimbangi risiko inflasi dalam negeri dan pertumbuhan yang mampan,” katanya.

Menurut BNM, data terkini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku tahun terakhir 2022 disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan.

Hasilnya, pertumbuhan tahun 2022 dijangka melebihi julat unjuran awal pada 6.5 peratus hingga tujuh peratus.

“Selepas mencatatkan prestasi kukuh pada 2022 pertumbu-

han pada tahun 2023 dijangka sederhana berikutan ekonomi global yang lebih perlahan.

“Purata inflasi dalam tempoh Januari hingga November 2022 adalah 3.4 peratus dan seperti yang diunjurkan, inflasi keseluruhan mencapai tahap tertinggi pada suku ketiga tahun 2022, manakala purata inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras adalah sebanyak 2.9 peratus hingga November lalu.

“Bagi tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka sederhana namun kekal pada tahap yang tinggi berikutan tekanan permintaan serta kos yang berlarutan,” ujarnya.

Pernyataan Dasar Monetari seterusnya bakal dikeluarkan pada 9 Mac ini.